



14 **Mata pensil kontot jadi gergaji**


54 **Derita suis otak off**



**PERWARTAN**  
Dataran Ukay,  
Bak, Selangor  
Binti Sulaiman  
Bangunan Masyarakat  
2000  
PADUAN



**Wira  
tidak dicanang**



PERARAKAN yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman yang membantah tindakan agresif komunis di Tanah Melayu.



kosmo 29 AUG 2010 M/S 12

# Rentas jalan menuju merdeka

Segelintir wira negara banyak menyumbang kepada kemerdekaan namun mereka lebih suka jika jasa mereka tidak dicanang.

## EKSTRA Wira tidak dicanang

● Semangat nasionalis Siti Rahmah tersemai ketika beliau belajar agama dengan guru dari Indonesia.

● Siti Rahmah percaya kemerdekaan boleh dicapai melalui rundingan tanpa perlu menumpahkan darah.

● Yuet Leng masih mencari-cari jawapan kepada persoalan ini: Kita sudah memang perang, tetapi mengapa kita tidak aman?

● Bekas polis ini diburu lebih 40 tahun untuk dibunuh oleh konco komunis.

● Rasammah bercita-cita menjadi peguam tetapi kecintaannya mendidik anak bangsa mengekalkannya dengan karier guru.

● Rasammah masih aktif dalam mempertahankan hak wanita, antara cadangan beliau yang dilaksanakan dalam kerajaan ialah hukuman penjara dan sebat mandatori kepada perogol.



Oleh SITI NOR AFZAN KASIMAN  
afzan.kasiman@kosmo.com.my

**M**ENJELANG detik 31 Ogos pada Selasa ini, maka genap 53 tahun Malaysia menegceapi kemerdekaan. Bagi sesetengah orang terutamanya generasi muda pasca merdeka, emosi untuk merayakan hari kebebasan ini tidak lebih hanya mengambil bahagian dalam mengibarkan Jalur Gemilang.

Sama ada ia simbol jati diri ataupun sekadar mengikut trend semasa, apa yang pasti golongan

veteran pramerdeka lebih bersemangat tatkala bulan kelapan tahun Masehi ini mencapai ke penghujungnya.

Nama-nama besar seperti Tunku Abdul Rahman Putra, Datuk Onn Jaafar, Tun Tan Cheng Lock atau Tun Sambanthan memang terkenal dan dikagumi.

Usaha dan jasa mereka mendapatkan kemerdekaan untuk negara tidak disangkal, namun masih terdapat ribuan nama lain yang turut menyumbang kepada kebebasan, keamanan serta kesepaduan lebih 27 juta rakyat Malaysia pada hari ini.

Wira-wira yang tidak dicanang ini, walaupun nama mereka sangat jarang disebut, penghormatan tetap perlu diberikan atas usaha mereka membawa Malaya menjadi sebuah negara yang amat bertuah untuk didiami.

### Serah gelang

Berkongsi kisah perjuangan pramerdeka dengan Datuk Siti Rahmah Kassim, 84, jelas bahawa jalan untuk merdeka tidak semestinya dengan berperang.

"Semasa Tunku berucap di hadapan ratusan ahli UMNO di Dewan Hang Jebat, Melaka pada tahun 1956, saya berani menyatakan, jiwa raga dan darah saya adalah untuk sama-sama berjuang memerdekakan negara.

"Saya masih ingat lagi ucapan tunku yang ketika itu dalam loghat Kedah. Katanya, 'saya ini dengan Duli Raja-Raja hendak jumpa dengan baginda Queen untuk merundingkan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu.

"Tapi, UMNO *tidak* duit, saya



**SITI RAHMAH** disebut ibunya hingga berdarah.

pun *tidak* duit. Saya nak *juai* istana tapi ayahanda murka. Baginda suruh saya jadi raja tetapi saya lagi suka jadi Presiden UMNO dan bekerja untuk orang Melayu.

"Ketika itu Tunku sebak. Selesai tamat ucapan baginda, saya yang ketika itu duduk di barisan hadapan, bangun seraya berkata, saya akan menyahut seruan Tunku," cerita wanita kelahiran Batu Hampar, Negeri Sembilan ini.

Tanpa ada yang menyuruh namun atas semangat mahukan kemerdekaan, Siti Rahmah lantas menanggalkan gelang, rantai dan subang yang dipakainya lalu diletakkan di atas selendang merah UMNO yang digunakan ketika itu.

"Saya hulurkan barang kemas itu kepada Tunku sambil memohon supaya baginda menerima barangan tersebut.

"Kata saya kepada baginda, 'Tunku, gelang ini gelang kesayangannya saya kerana hadiah per-



**YUET LENG** pernah menjadi buruan pengganas komunis.

kahwinan daripada ayah. Tetapi, hari ini, saya ikhlas dan reda menyerahkannya kepada Tunku sebagai bantuan untuk membayar tambang rombongan kemerdekaan ke England.

"Tunku menerimanya dengan linangan air mata. Pada masa yang sama, saya turut merayu kepada para hadirin di dewan tersebut untuk turut menyumbang.

"Alhamdulillah, bagaikan daun getah gugur, duit kertas dijatuhkan dari bahagian atas dewan. Sebahagian besar kaum ibu mula menanggalkan barang kemas, cucuk sanggul dan kerongsang untuk diserahkan seikhlas hati kepada Tunku," cerita wanita pertama yang menjadi wakil rakyat di Negeri Sembilan ini.

Menurut Siti Rahmah, selain emas dan wang ringgit, ada juga yang ikhlas menyerahkan perhiasan mewah yang dipakai ketika itu.

## PENKISAHAN SEJARAH WIRA TIDICANA

TARIKH: 27 JUNI 2010 (JUMAAT)

MASA: 10 PAGI

IPAT: AUDIUM MAJLIS MUZIUM MALAYSIA



**WIRA** tiga bangsa ini banyak menyumbang kepada pembentukan Malaysia yang aman dan makmur seperti yang dinikmati hari ini.

## Kerna sebat

Kaum lelaki turut tidak ketinggalan. Tongkat dan jam yang bersadur emas turut diserahkan sebagai tanda sokongan.

Berita tentang usaha beliau menyerahkan barangan kemasnya itu tersiar dalam akhbar keesokan harinya. Malangnya, tindakan itu tidak direstui ibunya.

"Ibu saya masih berfikiran konservatif. Saya fikir ibu bangga dengan saya tetapi sangkaan itu meleset. Ibu menunggu kepulangan saya dengan rotan belah empat. Dia tidak boleh menerima tindakan saya menyerahkan gelang hadiah perkahwinan itu kepada Tunku.

"Ibu merotan belakang saya sebanyak lima kali di tempat yang sama. Saya menangis namun ibu tidak hiraukan dan dia hanya berhenti merotan selepas baju saya dibasahi darah," ujarnya yang mula terbabit dalam arena politik sejak tahun 1946 ketika berusia 18 tahun.

Kisah Siti Rahmah lain versinya dengan cerita bekas Ketua Polis Perak, Datuk Seri Yuet Yuet Leng, 83. Berkesempatan menemu-bual beliau, tanggapan bahawa bangsa lain tidak patriotik tidak benar sama sekali.

Menjadi sebahagian daripada benteng pertahanan negara, Timbalan Pengarah Cawangan Khas (SB) ini menyimpan terlalu banyak memori pramerdeka dalam jiwanya.

Mula berkhidmat dengan pasukan polis pada 1 Disember 1950, bekas guru di Sekolah King George V, Seremban, Negeri Sembilan, ini pernah menyertai tentera laut China pada 1946 hingga 1947.

Namun, sepanjang berada di China, rasuah dan pemerintahan berat sebelah akhirnya membuka mata beliau untuk berbakti ke-



**PENGUMUMAN** tarikh Hari Merdeka oleh Tunku Abdul Rahman amat dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat Tanah Melayu.

pada negara sendiri.

Yuet Leng tidak menunggu lama untuk menyertai *Probationary Asian Inspector* (PAI) kerana kesedaran untuk menjamin keamanan di negara sendiri.

Mula ditempatkan di Syarikat Perhutanan Persekutuan atau *Federal Jungle Company* di Tanah Hitam, Chemor, beliau kemudiannya ditukarkan ke Platan 2, Titi Gantung, Perak.

"Pada zaman darurat, sekitar tahun 1951-1952, saya sering terlibat dengan operasi-operasi serang hendap dan beberapa operasi penting menghapuskan komunis di Tanah Melayu.

"Misalnya, dalam 1951, saya pernah terlibat dalam operasi pembersihan komunis di Kampung Jendermat di Selangor.

"Dalam operasi itu, ada 2,000 orang Melayu yang terlibat dengan komunis ditahan. Walaupun tugas hakiki saya untuk menahan mereka semua, namun jauh dari sudut hati, saya sangat simpati dengan mereka.

"Kemiskinan yang dilalui oleh

mereka menjadikan setiap barangan, walaupun yang sudah rosak menjadi sangat bernilai kepada mereka.

## 3 dalam 1

"Saya tidak menyalahkan mereka jika terlibat dengan propaganda komunis kerana cara itu dianggap dapat membantu mereka mendapat sesuap nasi," ujarnya yang mengakui tubuhnya sebagai minuman tiga dalam satu. Berdarah Cina namun berjiwa Melayu, Cina dan India.

Menggalas tugas hakiki sebagai ketua unit, Yuet Leng pernah terlibat dalam satu serang hendap pada tahun 1951 sehingga nyaris meragut nyawanya.

"Ketika itu, saya dan empat anak buah menyerang hendap satu kem komunis. Selepas berjaya menyusup masuk ke dalam kem berkenaan, baru saya sedar, kem tersebut adalah sebuah kem komunis yang besar, kira-kira 30 hingga 40 ahli komunis ada di dalam kem tersebut.

"Sebaik sahaja melepasi pos pengawal, saya lihat ketua mereka sedang membaca, namun sebelum serangan sempat dibuat, kami telah diserang terlebih dahulu.

"Saya yang ketika itu berada di hadapan, menerima empat das

tembakan, Dua di bahagian belakang badan, satu di kaki dan satu di punggung.

"Anak-anak buah saya, Sarjan Zainal dan Koperal Razali berlari ke depan untuk membantu mempertahankan benteng sekali gus menyelamatkan nyawa saya," cerita beliau.

Dek kerana sibuk mahu membalas balik serangan, anak kelahiran Larut, Matang, Perak ini rupanya tidak sedar dia ditembak sehinggalah pihak komunis lari bertempiaran.

"Selepas suasana reda kira-kira 30 minit kemudian, saya mula terasa ada cecair panas yang mengalir di belakang saya.

"Ketika itu, baru saya sedar saya cedera parah. Saya kemudiannya dibawa ke hospital dan berehat lebih kurang sebulan," beritahunya.

Bersyukur kerana memiliki anggota pasukan yang cekap dan sanggup ke hadapan untuk menyelamatkannya, Yuet Leng mengakui bahawa beliau sangat menghormati anggota pasukannya yang rata-ratanya berketurunan Melayu.

"Sampai sekarang saya tidak boleh lupa. Malah, untuk pengetahuan umum, sebutir peluru serangan itu masih ada tertanam di dalam badan saya.

"Semasa pembedahan, doktor terlepas pandang dan saya hanya tahu peluru itu ada di dada hanya pada 1982. Saya tahu selepas 31 tahun ditembak. Oleh kerana terlalu lama, atas faktor kesihatan, peluru itu tidak dikeluarkan," ujarnya yang pernah mengetahui operasi menjejaki ketua komunis, Chin Peng dari Sungai Perak hingga ke sempadan Thailand pada tahun 1952.

Dianggap sebagai wira negeri Perak, Yuet Leng berjaya melindungi negeri tersebut daripada jatuh ke tangan komunis sehingga diisytihar sebagai kawasan putih ketika menyandang jawatan Ketua Polis Perak.



**YUET LENG** adalah wira negeri Perak.